

Pasir Panjang jadi juara peraduan silat

BALAI Rakyat Pasir Panjang tampil sebagai juara dalam Pertandingan Kejohanan Silat Antara Balai Rakyat dengan menggondol Piala Sidek Saniff pada Ahad malam lepas. *ENCIK SICKY*

Di samping piala tersebut, yang menjadi rebutan, mereka juga memenangi lapan buah piala kejuaraan bagi satu-satu kelas dalam bahagian-bahagian dewasa dan remaja dan beberapa hadiah tempat kedua.

Ini adalah kali kedua balai tersebut tampil sebagai juara dalam pertandingan serupa itu, jelas guru silat mereka, Encik Hussein Kaslan, 64 tahun.

Bercakap kepada *Berita Harian* sejurus selepas kemenangan itu, Encik Hussein berkata: "Walaupun kami menjadi juara bagi kali kedua, namun saya belum puas hati dengan prestasi pesilat-pesilat muda kami. - 8 MAY 1985

"Prestasi mereka membuktikan bahawa mereka belum membuat persiapan-persiapan lengkap dan wajar sebelum turut sama dalam pertandingan malam ini."

Menurutnya lagi, pesilat-pesilatnya terlibat dalam banyak pertandingan-pertandingan lain yang telah sedikit sebanyak menjelaskan permainan mereka.

Bagaimanapun, peluang-peluang untuk mereka memperbaiki dan memperkemaskin permainan mereka untuk masa-masa depan adalah terburuk.

Setiap pasangan pesilat akan bertanding sebanyak tiga pusingan. Setiap pusingan selama 1 minit dengan berhenti selama satu minit antara pusingan.

Remaja

Setiap orang diadili dari segi pukulan, teknik dan kerapian. Kerapian termasuklah pola-pola silat.

Ketua Jemaah Hakim, Encik Abdul Rahim Dayan, berkata bahawa prestasi keseluruohnya adalah lebih baik daripada dua tahun dulu.

"Tetapi jika dilihat dari beberapa segi, maka terdapat kelemahan-kelemahan bukan saja di dalam permainan tetapi juga kecergasan dan ketahanan jasmani.

Hal ini agak ketara dalam bahagian remaja. Untuk mengatasi masalah ini, Haji Ismaon Haji Ali dari bahagian kecergasan jasmani dan rawatan berkata:

"Di masa depan kami akan memastikan bahawa setiap peserta yang hendak mengambil bahagian mestilah menjalani ujian doktor untuk mengelakkan sebarang kemungkinan buruk semasa pertandingan."

Pertandingan Kejohanan Silat itu adalah anjuran Persatuan Rakyat dengan kerjasama Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Hadiyah-hadiyah disampaikan oleh Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan) merangkap Anggota Parlimen (Kolam Ayer), Haji Sidek Saniff.